

# Demokrasi Pendidikan Dalam Sistem Pengajian Di Institusi Pondok: Pelaksanaan Dan Amalan

**Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>1</sup>, Huzaimah Ismail<sup>2</sup>, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>3</sup>, Abd.Munir Mohd Noh<sup>3</sup>, Paiz Hassan<sup>3</sup>, Ahmad Bakhtiar Jelani<sup>3</sup>, Mohd Anuar Ramli<sup>4</sup>**

<sup>1 3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

<sup>4</sup>Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

*mohdz560@uitm.edu.my*

## ABSTRAK

Istilah demokrasi amat sinonim dengan keadaan geo-politik dalam aspek pentadbiran atau pemerintahan sesebuah negara. Namun, sekiranya diamati, peristilahan demokrasi bukan hanya berkisar kepada prospek politik semata-mata, malah boleh diperluaskan kepada prospek-prospek lain antaranya prospek pendidikan. Demokrasi dalam pendidikan terutamanya pendidikan Islam telah menjadi perbincangan para sarjana sejarah dengan matlamat pendidikan Islam yang menumpukan kepada melahirkan umat Islam yang berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Dengan kedatangan Islam ke Nusantara, penubuhan institusi-institusi pengajian Islam antaranya institusi pondok memperlihatkan pendemokrasian pendidikan dalam sistem pengajian yang dipraktikkan di institusi tersebut. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk menyelusuri kefahaman berkaitan demokrasi pendidikan di samping mengkaji demokrasi pendidikan yang telah dilaksanakan di institusi pengajian pondok khususnya di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan metode kualitatif sepenuhnya berpandukan analisis dokumen, temubual dan pemerhatian dalam mendapatkan data-data yang diperlukan. Dapatan kajian ini menunjukkan sistem pengajian di institusi pondok telah mengaplikasikan demokrasi pendidikan berbentuk sistem pengajian secara percuma dan terbuka, tiada had umur, kepelbagaian jantina dan masa pengajian yang berpanjangan. Rumusnya, demokrasi pendidikan merupakan satu langkah praktikal yang telah dilaksanakan di institusi pengajian pondok. Dasar ini amat bersesuaian dengan matlamat penubuhannya dalam menyebarkan ilmu pengetahuan Islam bercirikan fardhu ain kepada masyarakat Islam seluruhnya tanpa mengira status, darjah, latar belakang atau gender.

**Kata kunci:** Demokrasi Pendidikan, Institusi Pengajian Pondok, Pelaksanaan, Amalan

## 1. PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan Kepada Demokrasi

Demokrasi merupakan istilah yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu “*Demos*” yang bermaksud rakyat dan “*Krateein*” yang bermaksud menguasai atau memerintah. Umumnya, demokrasi dapat difahami sebagai konsep politik berkaitan urus tadbir pemerintahan dalam sesebuah negara yang dijalankan oleh para pentadbir atau pemerintah yang diberikan mandat oleh golongan yang diperintah (rakyat). Hak-hak asasi rakyat seperti kehidupan, kebebasan serta pemilikan dapat diberikan secara adil dan saksama sehingga melahirkan nilai persamaan (*al-musawah*) dalam segenap perkara sama ada politik, sosial atau perundangan (Noor Rohman, 2014). Demokrasi merupakan satu usaha yang positif terutamanya dalam aspek pendidikan kerana pendidikan merupakan intipati utama dalam membangunkan kehidupan individu dan masyarakat dalam sesebuah negara atau tamadun. Ini

memandangkan dengan pendidikan, sesebuah komuniti sosial dapat meningkatkan kualiti diri. Menurut Zawawi Temyati, Khadijah Abdul Razak & S.Salahudin Suyurno (2011), pendidikan merupakan satu asas ke arah meningkatkan kualiti dan taraf kehidupan manusia dalam membangunkan peradaban serta tamadun yang cemerlang. Selain pandangan ini, pendidikan juga adalah satu proses budaya dalam meningkatkan taraf dan martabat manusia yang berlangsung sepanjang hayat. Justeru itu, pendidikan merupakan proses pembinaan nilai-nilai kemanusiaan secara menyeluruh iaitu dengan memupuk dan mengembangkan seluruh potensi manusia sama ada dalam aspek spiritual, mental serta fizikal. Pendidikan yang komprehensif merupakan aspek yang sangat penting dan tunjang dalam pembinaan peradaban dan tamadun Islam sebagaimana tercatat dalam sejarah.

Dalam membincangkan demokrasi pendidikan, antara lain perlu diperhatikan pandangan John Dewey (1859-1952), seorang sarjana pendidikan Barat berkenaan falsafah pendidikan yang merupakan hubungan antara pendidikan dengan demokrasi. Beliau membina falsafah pendidikannya dan mengaitkannya dengan demokrasi dalam ungkapan yang sangat jelas. Bagi Dewey, pendidikan ialah fungsi sosial atau kemasyarakatan, bukan individual. Dalam pada itu, Dewey berpendapat suatu sistem masyarakat yang paling sempurna daripada pelbagai sistem yang ada adalah demokrasi. Justeru, suatu falsafah, sistem dan proses pendidikan yang sesuai dengan demokrasi perlu dibentuk (John Dewey, 1957). Dewey membina falsafah pendidikannya berdasarkan demokrasi ideal yang diimpikan oleh seluruh masyarakat. Dalam konteks pendidikan, setiap individu mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan sama rata tanpa mengira jantina, keturunan bangsa atau agama. Perkara paling penting adalah ikatan perhubungan yang dijalankan tanpa memandang perbezaan antara satu sama lain baik hubungan antara sesama murid atau antara murid dengan pendidik yang saling menghargai dan menghormati antara mereka. Dewey juga berpandangan bahawa setiap individu bebas untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tanpa sebarang sekatan dan halangan kerana melalui pendidikan manusia akan dapat memahami perubahan dan perilaku manusia yang pelbagai (Abd. Munir Mohd Noh, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhammad Yusri Yusuf@Salleh, Paiz Hassan & Muhd Imran Abd. Razak, 2018).

## 1.2 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kualitatif sepenuhnya berdasarkan kepada analisis dokumen, pemerhatian dan temubual. Analisis dokumen antaranya pembacaan terhadap buku, jurnal, tesis dan prosiding membolehkan pengkaji memperolehi maklumat berkaitan kajian yang ingin dijalankan. Menurut Othman Lebar (2017), analisis dokumen dan rekod sangat diperlukan untuk memahami sejarah dan persekitaran berkaitan kajian yang dilakukan. Dokumen atau rekod yang diperolehi mempunyai pelbagai maklumat penting berkenaan kehidupan populasi, kepercayaan, budaya serta nilai-nilai yang dimiliki oleh masyarakat tempat yang dikaji. Selain itu, pengkaji juga akan melakukan pemerhatian terhadap kawasan kajian untuk mengetahui secara mendalam dan terperinci keadaan sebenar komuniti atau kumpulan tertentu. Pemerhatian membolehkan penyelidik menghampiri sasaran dengan bebas dan terbuka serta memberi penekanan kepada perkara-perkara penting yang ingin dikaji (Sulaiman Masri, 2005). Teknik pemerhatian yang akan dilakukan oleh penulis ialah pemerhatian terbuka (*participant observation*) bagi mengesan sesuatu perkara yang ingin difokuskan sebagaimana dicadangkan oleh Denzin dan Lincoln. Penulis akan masuk ke dalam kumpulan informan dan informan mengetahui kehadiran penulis untuk membuat pemerhatian dalam situasi yang sebenar (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Manakala temubual pula akan dijalankan oleh pengkaji untuk memperolehi maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan dan kehendak yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan (Mohd Majid Konting, 2000). Proses temubual akan menggunakan temubual semi-struktur. Temubual ini menggunakan soalan-soalan yang telah dirangka sebelum sesi temubual dilakukan, namun penemubual diberi kebebasan untuk bertanya dan mendalami jawapan responden kepada satu soalan formal yang ditanya. Soalan-soalan dalam temubual semi-struktur boleh ditambah, dikurangkan, diubah dan

disusun menurut turutan tertentu agar setiap responden dapat memahami soalan dengan sempurna (Chua Yan Piau, 2011).

## 2. DEMOKRASI PENDIDIKAN ISLAM

Dalam perspektif sejarah pendidikan Islam, Rasulullah SAW telah menyampaikan dakwah dan mendidik masyarakat Islam tanpa adanya diskriminasi. Pengajaran yang disampaikan oleh baginda adalah secara terbuka tanpa mengira status sama ada pembesar Quraisy ataupun golongan bawahan yang terdiri daripada fakir miskin dan hamba. Apabila baginda berhijrah ke Madinah, pengajaran yang dikelolakan oleh baginda tertumpu di masjid Nabawi yang memperlihatkan keterbukaan kepada semua lapisan masyarakat Islam bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Asas demokrasi pendidikan telah terserlah pada zaman baginda sehingga baginda mampu mendidik para sahabat baginda yang berperanan sebagai ulama, pendakwah, pakar rujuk dan khalifah negara Islam selepas kewafatan baginda.

Para sarjana Islam telah mengambil ungkapan “pendidikan dan demokrasi” dalam membentuk istilah baru iaitu “demokrasi pendidikan” atau *“democracy of education”*. Seterusnya, suatu pengertian baru diberikan kepada istilah ini berdasarkan kepada tanggapan umum terhadap pengertian demokrasi iaitu kesamarataan hak yang digabungkan dengan pendidikan. Dengan itu, demokrasi pendidikan dimaksudkan sebagai kesamarataan dalam mendapatkan pendidikan yang merupakan hak manusia seluruhnya sebagaimana komentar Abdul Halim Mat Diah:

“Persamaan hak bagi semua warganegara untuk mendapatkan suatu proses yang dilalui olehnya di bawah bimbingan si pendidik untuk membentuk keperibadiannya sesuai dengan cita-cita dan falsafah hidup bangsanya. Ringkasnya, demokrasi pendidikan adalah persamaan hak dan kesempatan bagi semua warganegara untuk mendapatkan pendidikan tanpa adanya diskriminasi antara suatu golongan dengan golongan yang lain, antara suatu suku dengan suku yang lain, antara golongan kaya dan miskin dan sebagainya, semua mendapat jaminan hak yang sama baik dalam undang-undang maupun dalam pelaksanaannya”

(Abdul Halim Mat Diah, 1989)

Selain itu, Hassan Langgulung (1985) telah memberi pandangan berkenaan demokrasi pendidikan tanpa perlunya unsur diskriminasi serta sistem pendidikan terbuka mesti diamalkan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan. Beliau mengatakan :

“Sebenarnya faktor utama dari perkembangan dan tersiarinya kebudayaan Islam di antara bangsa-bangsa yang beragama lain adalah kerana Islam adalah agama yang pertama kali mengakui bahawa setiap manusia berhak malah diperintahkan untuk menuntut ilmu pengetahuan dan mempelajari kemahiran-kemahiran menurut kesukaan dan kecenderungannya. Sejarah peradaban-peradaban lain dari dahulu sampai sekarang telah menunjukkan bahawa hak memperoleh ilmu pengetahuan adalah merupakan hak-hak golongan-golongan istimewa, kebanyakannya pendeta-pendeta, penguasa istimewa dan golongan-golongan berharta”

(Hassan Langgulung, 1985)

Sejak Islam diterima oleh masyarakat Nusantara, maka penyebaran agama Islam dan perkembangan ilmu pengetahuan serta pendidikan Islam telah dibangunkan oleh para ulama dan pendakwah Islam. Seluruh anggota masyarakat termasuk raja-raja, kerabat, para pembesar serta rakyat jelata telah didedahkan dengan ilmu pengetahuan Islam. Perkara ini telah mengubah persepsi masyarakat Melayu terhadap nilai-nilai agama, kebudayaan dan ilmu pengetahuan kepada lebih Islamik berbanding dahulu (Ali Mohammad, 2008). Dengan kegiatan dakwah dan pendidikan, Islam telah dapat mengubah pandangan masyarakat

Melayu terhadap pegangan agama, budaya dan keilmuan. Anjakan ini juga telah membezakan perihal pendidikan yang dipraktikkan pada zaman Hindu-Buddha, iaitu pendidikan yang dijalankan bersifat aristokrat dengan tertumpu kepada golongan kasta Brahmin dan Kesatria dan tidak bersifat umum kepada seluruh anggota masyarakat. Pendidikan juga tertumpu kepada golongan bangsawan yang berpusat di istana, di rumah atau di pusat-pusat pendidikan contohnya di Perguruan (Paguron) (Ab. Rahman as-Syakir, 2016). Pendidikan dan budaya ilmu di kalangan masyarakat pada era tersebut tidak berleluasa dan amat terhad. Pendidikan pada masa itu boleh dikatakan bersifat eksklusif kerana lapangan keilmuan berlegar dalam kalangan orang istana manakala masyarakat awam digalakkan untuk mengamalkan unsur-unsur kesenian dan mitos dalam membesarakan atau mengagungkan pemerintah (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2018). Syed Naquib al-Attas (1999) menukilkan :

“Demikian juga kedatangan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisme dan pengetahuan akliah serta menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan, dan kemuliaan keperibadian insan. Tuntutan budi dan akal mengenai hal agama, keagamaan dan kemurnian batin serta ilmu mengenainya, tersebar luas mendalam laksana akar beringin merangkum bumi. Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan kraton, malah sampai juga dengan lebih merebak di kalangan rakyat jelata.”

(Syed Naquib al-Attas, 1999)

Abdul Halim Mat Diah (1989) juga telah menggariskan dua perkara asas yang menjadi tunjang penerimaan demokrasi dalam pendidikan itu sendiri iaitu:

## 2.1 Islam Meletakkan Demokrasi Sebagai Asas Kehidupan Bermasyarakat

Dalam memperkuatkan perkara ini, beberapa pandangan telah diberikan bagi menyokong fakta tersebut antaranya firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhamu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri (Adam), dan daripadanya Allah menciptakan isterinya (Hawa), dan daripada keduanya Allah memperkembangkan laki-laki dan perempuan yang banyak ...”

(al-Nisa' : 1)

Ayat ini menunjukkan bahawa manusia pada asalnya adalah satu lalu diciptakan pasangannya untuk mengembangkan keturunan sehingga menjadi kelompok masyarakat yang ramai. Secara tidak langsung, faktor ini memberi gambaran bahawa kehidupan manusia secara fitrahnya memerlukan kepada masyarakat.

Dalam kehidupan bermasyarakat, manusia mempunyai pelbagai jenis ragam, keturunan, bangsa, warna kulit, agama, aliran pemikiran dan pemahaman. Jadi, pastinya terdapat satu skala dalam mengukur keistimewaan seseorang itu dalam kalangan manusia yang sangat ramai. Oleh itu, Allah SWT menegaskan bahawa tiada sebarang keistimewaan di antara manusia secara keseluruhannya kecuali dengan bertakwa kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang paling bertakwa diantara kamu...”

(al-Hujurat : 13)

Dengan ini Islam merupakan agama yang menjamin adanya demokrasi dalam ajarannya. Manusia tidak diukur melalui warna kulit, keturunan, ras, kabilah, bangsa dan seumpamanya. Terdapat hadis Rasulullah SAW yang dalam memperkuatkan ayat tersebut yang bermaksud:

"Semua kamu adalah keturunan Adam, dan Adam diciptakan dari tanah. Suatu kaum hendaklah menghentikan berbangga-bangga dengan keturunan mereka ..."

(HR Bukhari)

## 2.2 Islam Mengajarkan Demokrasi Pendidikan

Islam memberikan tempat yang tinggi kepada lapangan pendidikan kerana pendidikan merupakan alat yang paling penting dalam pembentukan keperibadian seseorang. Ibn Khaldun berpandangan bahawa pendidikan merupakan aktiviti yang merangkumi ilmu dan akhlak (Ibn Khaldun, 2004). Jadi, pendidikan bukan hanya aktiviti yang tertumpu kepada memperolehi pengetahuan (aspek kognitif) semata-mata tetapi juga merangkumi aktiviti pembentukan dan pembinaan akhlak (aspek efektif dan psikomotor) (Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003). Oleh kerana proses pembinaan akhlak merupakan proses yang panjang, maka Islam telah menegaskan bahawa pendidikan tidak terhenti apabila seseorang itu telah mencapai usia atau tujuan tertentu malahan Islam menyarankan agar proses pendidikan tetap terus berlangsung sehingga ke akhir hayat. Saranan ini sangat dianjurkan kerana melalui proses pendidikan manusia akan dapat mengenalpasti kaedah dalam menjalankan kehidupan di dunia sehingga mendapat kebahagiaan. Malahan dengan proses pendidikan ini juga manusia akan mengenalpasti kaedah untuk mendapatkan kebahagiaan di akhirat (Abdul Halim Mat Diah, 1989 ; Abd. Munir Mohd Noh, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhammad Yusri Yusuf@Salleh, Paiz Hassan & Muhd Imran Abd. Razak, 2018).

Dalam konteks demokrasi pendidikan atau hak mendapatkan pendidikan, Islam menjamin hak setiap individu untuk mendapatkan pendidikan yang secukupnya. Mustafa Husni al-Sibai' (1969) menyatakan bahawa di antara hak-hak yang dijamin oleh Islam adalah hak untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Jaminan terhadap demokrasi pendidikan dalam ajaran Islam ini merupakan suatu ketetapan yang jelas. Bagi merealisasikan ketetapan itu, Abdul Halim Mat Diah (1989) menggariskan dua perkara penting yang melibatkan masyarakat dan pemerintah iaitu:

- Kesempatan menggunakan demokrasi pendidikan merupakan hak semua orang dan hak itu wajib digunakan dan dijalankan. Islam mewajibkan umatnya mencari ilmu pengetahuan yang dapat meningkatkan kualiti diri. Ia sebagaimana yang terkandung dalam saranan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Mempelajari ilmu pengetahuan adalah wajib bagi tiap orang Islam laki-laki (dan perempuan)"  
(HR al-Baihaqi)

- Pihak yang bertanggungjawab harus memberikan hak-hak itu dan pemberian hak itu adalah merupakan sesuatu kewajipan. Kewajipan bagi pihak yang bertanggungjawab memberikan pendidikan kepada orang yang menjadi tanggungjawabnya itu banyak terdapat dalam ajaran Islam. Mereka termasuklah pemerintah, ibubapa dan para cendikiawan. Kewajiban pemerintah dalam melaksanakan demokrasi pendidikan merupakan kesinambungan daripada pemerintahan demokrasi yang dianjurkan dalam Islam. Pemerintah juga haruslah memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada rakyat. Langkah ini perlu dilaksanakan agar rakyat akan dapat menggunakan kewajipannya sebagai warganegara selain berkewajipan mengeluarkan pandangan dengan bebas. Namun, kebebasan itu tidak dapat diaplikasi dengan baik sekiranya rakyat tidak diberikan ilmu yang secukupnya. Oleh kerana itu, demokrasi pendidikan haruslah diterapkan oleh pemerintah agar keseluruhan masyarakat mendapat

pendidikan yang secukupnya sebagai panduan kepada diri sendiri selain dapat membangunkan masyarakat dan negara.

Daripada keterangan yang telah dibincangkan dapat disimpulkan bahawa demokrasi merupakan suatu perkara asas yang terkandung dalam ajaran Islam. Ianya tidak hanya tertumpu kepada demokrasi politik dan pentadbiran sahaja bahkan ianya merentasi demokrasi pendidikan yang menjadi tunjang sosial dalam kehidupan bermasyarakat.

### **3. DEMOKRASI PENDIDIKAN DI INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK**

Kedatangan Islam ke Nusantara telah mempengaruhi penubuhan institusi-institusi pendidikan Islam peringkat awal iaitu institusi pengajian pondok yang juga dikenali dengan istilah dayah, rangkang, zawiya dan juga pesantren. Institusi ini telah diasaskan oleh para ulama Melayu yang lazimnya mendapat pendidikan di Makkah, Mesir, India atau lepasan-lepasan pengajian pondok tempatan yang terkenal seperti di Patani, Kedah atau Kelantan.

Istilah pondok berasal daripada perkataan Arab “*Funudun*” atau “*Funduqun*” yang bermaksud rumah tumpangan ataupun tempat penginapan para pengembara yang berkunjung ke sesebuah tempat. Dalam pendidikan Islam, pondok bermaksud rumah-rumah kecil yang menjadi tempat tinggal para pelajar dan terletak berhampiran masjid atau rumah guru di sebuah tempat yang khusus. Pondok-pondok merupakan tempat tinggal para pelajar telah dibina dengan cara yang tersusun. Ciri-ciri khusus yang ada pada sesebuah institusi pondok seperti rumah kecil, madrasah, masjid dan rumah guru telah menunjukkan istilah pondok dikenali sebagai pusat pendidikan Islam di Nusantara (Masyurah Mohd Rawi, Harun Baharuddin, Maimun Aqsha Lubis, Siti Aisyah Romli, 2015). Pondok juga dapat memberi maksud satu kawasan yang mempunyai sebuah madrasah atau masjid sebagai tempat pengajian yang dikelilingi oleh tempat tinggal para pelajar berbentuk pondok-pondok kecil. Pondok-pondok tersebut telah dibina sendiri oleh para pelajar. Madrasah atau masjid tersebut telah dibina hasil daripada sumbangan atau derma anggota masyarakat (Ezad Azraai Jamsari, Noor Inayah Yaakob, Wan Kamal Mujani, Adibah Sulaiman & Kamaruzaman Jusoff, 2011). Institusi pengajian pondok juga merupakan sebuah institusi yang mempunyai beberapa elemen antaranya (Solahuddin Ismail, Mohd Nizo Abdul Rahman & Alias Puteh, 2009):

- a. Sistem yang lebih efektif dan efisyen dengan kaedah pengajian yang tersusun dan formal.
- b. Tempat dan ruang belajar yang luas untuk keperluan bilangan pelajar yang bertambah ramai
- c. Kemudahan tempat tinggal para pelajar sama ada yang datang dari tempat yang dekat atau jauh

Dengan kedatangan Islam juga, sistem pendidikan di Alam Melayu telah mengalami revolusi iaitu proses pendemokrasian sistem pendidikan dengan tiadanya dominasi atau monopoli ilmu dalam kalangan masyarakat istana sahaja. Pusat pendidikan yang bersifat inklusif telah ditubuhkan oleh para ulama sebagai satu usaha demokrasi ilmu bagi membudayakan masyarakat dengan ilmu sesuai dengan persepsi bahawa masyarakat Islam merupakan masyarakat yang berilmu pengetahuan (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2018). Pendemokrasian pendidikan telah diaplikasikan di institusi pengajian pondok dengan berpandukan beberapa elemen yang sesuai dengan unsur-unsur kearifan tempatan. Rahimin Affandi (2010) mengatakan para ulama silam telah berfikir dan merangka dengan teliti untuk mengasaskan institusi pondok. Antara bentuk demokrasi pendidikan yang telah diperlakukan ialah sebagaimana berikut:

### a. Sistem Pengajian Terbuka

Kaedah '*umumi*' merupakan kaedah terawal dijalankan dalam sistem pendidikan Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW. Antara ciri kaedah '*umumi*' ialah terbuka kepada seluruh masyarakat, tidak mempunyai kurikulum khusus, masa pengajian tertakluk kepada guru dan tempat pengajian digunakan secara bersama. Pendekatan yang digunakan dalam pengajian ialah kaedah halaqah, iaitu guru akan duduk secara tetap di hadapan pelajar dan pelajar pula duduk mengelilingi guru dalam bentuk bulatan atau separuh bulatan (Solahuddin Ismail & Zaheruddin Othman, 2015). Perkara ini dijelaskan sebagaimana transkripsi temubual berikut:

"Pengajian '*umumi*' kebiasaannya selepas Asar dan Maghrib. Masa pengajian halaqah sekitar setengah hingga satu jam. Namun pengajian halaqah boleh dilakukan pada bila-bila masa sama ada waktu tengah malam ataupun sebelum waktu Subuh sekiranya ada guru atau Kepala Mutala'ah yang ingin membaca kitab. Kaedah halaqah boleh dibuat di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sama ada di masjid, dalam kelas ataupun di pondok-pondok pelajar. Maksudnya tidak terhad kepada sesuatu tempat. Contohnya di masjid boleh dibentuk banyak halaqah berkenaan ilmu-ilmu tertentu yang dipimpin oleh guru" (inf1/G1/Tbl/Kh.PPT/8/8/2017)

"Pengajian halaqah melibatkan semua pelajar pondok sama ada pelajar '*umumi*, *nizami* dan tafzil di pondok ini. Walaupun pelajar *nizami* belajar dalam bilik darjah, namun mereka perlu diwajibkan mengikuti pengajian '*umumi*' untuk menadah kitab-kitab *turath* yang disampaikan oleh para guru" (inf2/G2/Tbl/Kh.PSD/19/7/2017)

"Pengajian halaqah ('*umumi*) terbuka kepada semua pelajar dan masyarakat awam" (inf3/G3/Tbl/Kh.PSD/19/7/2017)

Sistem pengajian di pondok yang bersifat terbuka ('*umumi*) telah membuka ruang kepada sesiapa sahaja untuk menuntut ilmu pengetahuan tanpa mengambil kira had umur, jantina, bangsa, latar belakang, kelayakan dan status. Pendekatan ini bertepatan dengan konsep pendemokrasian pendidikan yang berpandukan kepada keutamaan dan kepentingan ilmu terhadap orang Islam, pemilikan ilmu secara bersama dan hak untuk mendapatkan ilmu bagi setiap individu (Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor, Norhidayah Yusoff & Muhammmad Izzuddin Helmi Dzulkifli, 2015). Sistem '*umumi*' merupakan sistem pengajian terbuka sama ada untuk pelajar pondok atau orang awam. Para pelajar dan orang awam boleh memilih kuliah-kuliah ilmu yang ingin dihadiri secara bebas berdasarkan kepada matapelajaran, kitab yang digunakan serta waktu kuliah. Lazimnya, para guru akan menentukan kitab-kitab yang akan diajar berdasarkan kepakaran masing-masing. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di beberapa buah pondok di Kelantan, pengajian '*umumi*' di masjid pondok telah menarik minat masyarakat sekitar untuk mempelajari ilmu pengetahuan sama ada lelaki dan wanita di kalangan generasi muda atau warga emas. Mereka akan duduk bersama-sama dengan pelajar pondok untuk menadah kitab dan mendengar huriahan dan penerangan yang diberikan oleh guru pondok.

### b. Pengajian Percuma dan Tiada Had Umur

Pengajian dalam sistem pondok yang berbentuk inklusif tanpa had umur dan secara percuma telah menyumbang kepada pendemokrasian ilmu pengetahuan (Mohd Anuar Ramli, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Akmal Sidik, 2016). Mereka yang ingin belajar diterima secara terbuka tanpa sebarang syarat khusus. Perkara ini telah memudahkan masyarakat awam untuk mendalami ilmu. Sejajar dengan konsep pendidikan Islam yang menjadikan ilmu bukan hak individu tetapi sebagai kewajipan yang menyeluruh, maka institusi pengajian pondok telah menjadi institusi pendidikan tinggi pada zaman tradisi yang masih wujud sehingga hari ini. Pendidikan Islam juga merupakan pendidikan seumur

hidup. Justeru itu, institusi pengajian pondok telah menjadi institusi pengajian untuk mempraktikkan falsafah pendidikan ini dalam konsep pendidikannya, iaitu tiada sekatan had umur untuk belajar sama ada belum berkahwin ataupun telah berkeluarga (Shafie Bakar, 1992).

Pengajian di institusi pondok juga adalah secara percuma tanpa dikenakan nilai bayaran tertentu terhadap khidmat para guru. Para guru mengajar dengan ikhlas tanpa mengambil sebarang bayaran terhadap usaha mereka menyampaikan ilmu pengetahuan. Para guru juga tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menyara kehidupan sehari-hari kerana banyak masa ditumpukan untuk mengajar dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Transkripsi temubual berikut telah menjelaskan perkara ini:

*“Guru mengajar tanpa bayaran atau gaji dan mengajar mengikut masa yang dirasakan sesuai untuk dirinya. Apabila masa terluang guru akan mengajar”* (inf4/G4/Tbl/Kh.PPT/8/8/2017)

Pengurusan institusi pengajian pondok dan biaya hidup para guru kebiasaannya diperolehi daripada sumbangan masyarakat, zakat, sedekah dan bantuan tenaga daripada para pelajar pondok sendiri (Mohd Izzuddin & Mohamad Zaini, 2015). Kini, pihak pengurusan pondok telah berusaha dengan melakukan hebahan dan menyediakan iklan untuk tujuan memohon sumbangan bagi pembiayaan pondok masing-masing. Di samping sumbangan yang diperolehi daripada kerajaan, masyarakat awam dan institusi-institusi tertentu, kebanyakan institusi pengajian pondok kini telah mengenakan bayaran yuran dalam kadar minima untuk tujuan pembiayaan pengurusan dan keperluan pondok. Contohnya, Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan telah menetapkan bayaran yuran sebanyak RM 10.00 sebulan atau RM 120.00 setahun kepada pelajar tetap (*nizami*).

#### c. Kepelbagai Latar Belakang Sosial

Para pelajar pondok pula terdiri daripada pelbagai latar belakang dan status sosial yang berbeza (Luqman Abdullah, 2011). Kaedah pengajian di institusi pengajian pondok memupuk semangat setia kawan, persaudaraan dan kasih sayang tanpa mengambil kira status sosial, pendidikan, ekonomi, bangsa, taraf hidup serta latar belakang kehidupan (Manah Rosmanah, 2013). Perkara ini tidak menjadi satu permasalahan kerana Islam mendidik setiap mukmin adalah bersaudara dan para pelajar yang belajar di institusi pengajian pondok bermatlamat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Penyertaan setiap pelajar dalam kaedah pengajian seperti kaedah halaqah dalam sistem pengajian di pondok adalah secara bebas dan terbuka. Faktor ini menggalakkan aktiviti pembelajaran kerana penyertaan setiap pelajar dalam pengajian di institusi pengajian pondok tidak dinilai kepada latar belakang dan status masing-masing. Daripada pemerhatian yang dilakukan, para pelajar pondok adalah daripada negeri-negeri yang berbeza daripada pelbagai latarbelakang sosial sama ada daripada keluarga kaya atau miskin. Terdapat juga pelajar-pelajar dari negara asing yang belajar di institusi pengajian pondok. Contohnya terdapat seorang pelajar berbangsa Eropah yang fasih berbahasa Melayu belajar di Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. Terdapat juga warga emas yang terus tinggal di pondok untuk mempelajari ilmu pengetahuan agama. Pihak pengurusan pondok menyediakan tempat tinggal khusus untuk mereka di sekitar kawasan pondok. Contohnya di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan dan di Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan.

#### d. Kepelbagai Gender

Selain itu, para pelajar pondok juga terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dalam pelbagai peringkat umur. Aspek ini memperlihatkan kesetaraan gender telah diperlakukan dalam sistem pengajian pondok kerana hak untuk mendapatkan pendidikan tidak hanya terhad kepada golongan atau jantina tertentu sahaja, malah terbuka untuk seluruh anggota

masyarakat dan gender. Keterbukaan ini menjadikan institusi pengajian pondok berjaya menyebarkan ilmu pengetahuan kepada seluruh anggota masyarakat tanpa wujudnya diskriminasi gender. Warga emas terutamanya yang terdiri daripada kaum wanita yang semakin berumur diberikan hak untuk tinggal di pondok-pondok kediaman bagi memudahkan mereka untuk menyertai majlis ilmu. Keterbukaan ini menjadikan institusi pengajian pondok bukan sahaja sebagai pusat keilmuan, malah berperanan sebagai pusat khidmat sosial yang menjaga kebajikan anggota masyarakat yang memerlukan (Mohd Izzuddin & Mohamad Zaini, 2015). Daripada pemerhatian yang dilakukan di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan dan di Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan, walaupun pelajar pondok terdiri daripada lelaki dan perempuan, namun batas pergaulan (*ikhtilat*) sesama mereka masih lagi terjaga dan tidak bebas sebagaimana di institusi-institusi moden yang ada pada hari ini. Percampuran antara pelajar lelaki dan wanita semasa sesi pengajian tidak berlaku. Contohnya, semasa pengajian '*umumi*' di masjid, golongan perempuan akan berada di sebalik tabir di ruangan solat wanita untuk mendengar kuliah yang disampaikan oleh guru pondok. Di Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan, kelas pengajian *nizami* juga dikhatususkan kepada pelajar lelaki dan pelajar wanita tanpa berlaku percampuran untuk setiap sesi pengajian pada masa yang ditetapkan.

e. Tiada Had Masa

Jangka masa keberadaan di pondok tanpa had masa serta tanpa paksaan juga menyebabkan pelajar dapat belajar dengan lebih mendalam ilmu-ilmu Islam daripada para guru pondok yang diakui keilmuannya. Pelajar pondok tidak ditentukan had masa untuk belajar di sesebuah pondok dan mereka boleh menetap di pondok sehingga mereka telah berpuashati dengan apa yang dipelajari di situ (Solahuddin & Zaheruddin, 2015). Para pelajar pondok juga bebas untuk menuntut di mana-mana pondok yang mereka kehendaki. Mereka juga bebas untuk berpindah ke pondok lain apabila merasakan tempoh masa untuk mereka belajar di sesebuah pondok sudah memadai (Ramli Saadon, Khairi Arifin & Ishak Saat, 2016). Sistem pengajian di pondok juga adalah bebas serta fleksibel yang tidak terikat dengan masa-masa tertentu. Lazimnya, pengajian akan bermula pada awal pagi dan berakhir pada sebelah malam (Mohd Anuar Ramli, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Akmal Sidik, 2016). Ringkasnya, waktu pengajian adalah selepas solat fardhu setiap hari sehingga lewat malam. Sistem tutorial melalui kendalian pelajar senior iaitu Kepala Mutala'ah kebiasaan akan melaksanakan pengajian di pondok-pondok kediaman sekiranya terdapat permintaan daripada para pelajar terutamanya pelajar baru. Para guru pondok akan memberi kepercayaan kepada Kepala Mutala'ah untuk membimbang pelajar yang lebih muda dan baru belajar di pondok sama ada dalam aspek keilmuan atau penerapan disiplin. Berikut merupakan transkripsi temubual berkenaan perkara ini:

"Pengajian dalam halaqah ('*umumi*) pada setiap waktu sama ada waktu pagi, petang atau malam. Waktu pengajian bermula selepas waktu Subuh iaitu pengajian al-Quran, kemudian bersambung pada waktu Dhuha, pengajian kitab, selepas zohor juga pengajian kitab, selepas Asar, pengajian al-Quran, selepas Maghrib, pengajian kitab dan selepas Isyak pengajian al-Quran. Kita bahagikan secara khusunya begini, pengajian *nizami* iaitu selepas Subuh, waktu Dhuha dan Isyak sementara pengajian '*umumi*' pula selepas Zohor, Asar dan Maghrib. Pengajian halaqah dilakukan dalam masjid serta kelas-kelas khusus" (inf5/G5/Tbl/Kh.PLT/22/3/2017)

"Masa pengajian dalam halaqah ('*umumi*) bergantung kepada waktu. Lazimnya sebelum waktu Asar, selepas waktu Asar selama setengah jam, selepas Maghrib sehingga waktu Isyak dan selepas Isyak selama satu jam. Kaedah halaqah berpusat di masjid kerana dapat menampung pelajar yang ramai, ruang yang luas untuk menadah kitab dan megambil kira pelajar daripada pelbagai peringkat umur. Selain pengajian halaqah di masjid, ada juga perbincangan dilakukan di pondok lazimnya bersama Kepala Mutala'ah" (inf2/G2/Tbl/Kh.PSD/16/5/2017)

#### f. Kurikulum Tersendiri

Para guru yang mengetuai institusi pengajian pondok mempunyai autonomi dalam menentukan sistem dan silibus pengajian tanpa ada kekangan. Sistem pendidikan pondok tidak mempunyai sukanan mata pelajaran tertentu kerana semuanya ditentukan oleh guru-guru sama ada daripada aspek pemilihan kitab atau mata pelajaran yang hendak diajar. Silibus di institusi pengajian pondok telah diasaskan oleh guru pondok dan bukan silibus rasmi yang dirangka oleh sesebuah badan yang dilantik. Institusi pengajian pondok yang diketuai oleh Tuan Guru mempraktikkan silibus secara berasingan mengikut kehendak atau kepakaran Tuan Guru masing-masing. Silibus ini dilaksanakan tanpa mempunyai penyelarasan yang menyeluruh di antara satu pondok dengan pondok yang lain. Perbezaan ini antara lain disebabkan oleh kemampuan Tuan Guru itu sendiri di samping kemampuan para pelajar serta masyarakat setempat (Abdullah Ishak, 1995). Ia menjadikan tiap pondok punya keunikan dan keistimewaan sendiri kerana penawaran silibus yang berdasarkan kepada kepakaran masing-masing sama ada yang istimewa dalam ilmu fekah, ususluddin atau tasawuf. Namun hakikatnya kini, walaupun tiada penyelarasan silibus dan kurikulum yang khusus untuk institusi pengajian pondok, kitab-kitab pengajian yang digunakan kebanyakannya adalah kitab yang sama antara sebuah pondok dengan pondok yang lain. Contohnya, kitab *Aqidah al-Najin*, *Dur al-Thamin* dan *Faridatul Faraid fi Ilmi al-Aqaid* telah digunakan sebagai kitab pengajian utama dalam pengajian ilmu akidah di institusi-institusi pengajian pondok di negeri Kelantan dan di negeri Kedah. Transkripsi temubual berikut menghuraikan perkara ini:

“Pada pengetahuan saya, kebanyakan pondok menggunakan kitab *turath* yang seakan-akan sama sahaja dalam sistem pengajian cuma pelaksanaan sahaja berbeza contoh dari segi waktu pengajian atau jadual pengajian, itu berbeza... Pada saya kurikulum atau silibus sama sahaja, kitab pun sama, pelaksanaan berbeza... (inf5/G5/Tbl/Kh.PLT/8/8/2018)

#### 4. KESIMPULAN

Demokrasi pendidikan terutamanya dalam pendidikan Islam merupakan satu anjakan dalam melahirkan masyarakat Islam yang berwibawa dan berilmu pengetahuan tanpa mengira gender dan status sosial. Pendemokrasian pendidikan ini telah berlangsung sejak zaman Rasulullah SAW lagi yang memperlihatkan sistem pendidikan Islam itu bercirikan insklusif bukan ekslusif kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Keterbukaan ini ternyata memberi impak yang dominan kepada proses pendidikan dan keilmuan terhadap masyarakat Islam secara keseluruhan. Melalui penubuhan dan peranan institusi pengajian pondok, demokrasi pendidikan ternyata telah diterjemahkan ke dalam sistem pendidikan yang dipraktikkan sejak zaman berzaman. Ciri-ciri demokrasi pendidikan dilihat dilakukan secara sepenuhnya dalam memartabatkan institusi tersebut sebagai institusi pendidikan Islam secara formal yang paling awal di rantau ini. Sehingga kini, institusi pengajian pondok masih lagi utuh dalam meneruskan legasi keilmuan dan dakwah Islam terhadap seluruh masyarakat Islam sesuai dengan sistemnya yang bertepatan dengan konsep demokrasi pendidikan. Oleh itu, sokongan dan dokongan terhadap institusi tersebut sewajarnya diteruskan oleh pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan, swasta atau anggota masyarakat agar kesinambungan ilmu-ilmu Islam yang berteraskan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, Fiqh Syafie dan Tasawwuf al-Ghazali dapat dikekalkan sebagai teras masyarakat Islam Nusantara.

## BIBLIOGRAFI

- Ab. Rahman As-Syakir (2016), "Analisis Mengenai Perkembangan Pendidikan di Indonesia Dari Masa Purba,Hindu- Budhha, Sampai Islam". Tugasan Ilmiah Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Lampung. <http://www.academia.edu/19041018>, Dilayari pada 11/09/2018
- Abd. Munir Mohd Noh, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhammad Yusri Yusuf@Salleh, Paiz Hassan & Muhd Imran Abd. Razak (2018), "Demokrasi Pendidikan Menurut John Dewey : Suatu Tinjauan Dari Aspek Pemikiran Pendidikan Islam". Prosiding *International Postgraduate Conference on Research Education 2018 (IPCORE 2018)*, 16-18 Ogos 2018, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
- Abdul Halim Mat Diah (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ali Mohammad. (2008). "Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Di Alam Melayu Hingga Abad Ke-17 M". *Jurnal al-Tamaddun* Bil.3 (1), 68-84.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ezad Azraai Jamsari, Noor Inayah Yaakob, Wan Kamal Mujani, Adibah Sulaiman & Kamaruzaman Jusoff. (2011). The Influence of Middle East on The Development of Islamic Education in Kelantan, Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research* 7, <http://www.idosi.org/contact.htm>, 141-150
- Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003). *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Pahang : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya
- Hassan Langgulung (1985), *Pendidikan dan Peradaban Islam*. Jakarta : Pustaka al-Husna
- Ibnu Khaldun. (2004). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kaherah: Darul Fajar li Turath
- John Dewey (1957). *Democracy and Education : An Introduction to the Philosophy of Education*. New York : The MacMillan Company
- Luqman Abdullah. (2011). "Latest Development of Traditional Islamic Education in Kelantan". Kertas Kerja dibentangkan di INTED 2011,7-9 Mac 2011, Valencia, Sepanyol.
- Manah Rosmanah. (2013). "Pendekatan Halaqah Dalam Konseling Islam Dengan Coping Stress Sebagai Ilustrasi". *Jurnal Intizar*, Vol. 19, No.2, [download.portalgaruda.org/article.php](http://download.portalgaruda.org/article.php), 301-322.
- Masyurah Mohd Rawi, Harun Baharuddin, Maimun Aqsha Lubis, Siti Aisyah Romli. (2015). "Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia". Kertas Kerja dibentangkan di *The 7th International Workshop and Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed)*, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaluddin (2018), "Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Menjana Budaya Ilmu di Alam Melayu". [https://www.researchgate.net/publication/255991975\\_Sumbangan\\_Ulama\\_Melayu\\_Klasik\\_Dalam\\_Menjana\\_Budaya\\_Ilmu\\_Di\\_Alam\\_Melayu](https://www.researchgate.net/publication/255991975_Sumbangan_Ulama_Melayu_Klasik_Dalam_Menjana_Budaya_Ilmu_Di_Alam_Melayu), Dilayari pada 11/09/2018
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Akmal Sidik (2016), "Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan di Alam Melayu". *Jurnal Pengajaran Melayu*, Jilid 27, hh. 178-196.
- Mohd Izzuddin Ramli & Mohamad Zaini Abu Bakar (2015), "Kearifan Tempatan Dalam Institusi Sekolah Pondok di Malaysia". *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noor Rohman (2014) "Perspektif Islam Tentang Demokratisasi Pendidikan". *Jurnal Tarbawi*, Vol.2, No. 2, <https://ejournal.unisnu.ac.id/JPIT>, 56-67

- Othman Lebar (2017) *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim:Penerbit UPSI.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2010) "Paradigma Tradisionalisme Dan Pentadbiran Undang-Undang Islam Dan Fatwa Di Negeri Kelantan: Satu Analisis Sejarah". *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah V. 38*, hh. 25-44.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor, Norhidayah Yusoff & Muhammad Izzuddin Helmi Dzulkifli (2015). "Institusi Pondok Tradisional Sebagai Model Kearifan Melayu-Islam : Antara Tradisi dan Harapan". *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hh. 44-51.
- Ramli Saadon, Khairi Arifin & Ishak Saat (2016), "Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya Sebelum Kemunculan Western-Type-Education". *Jurnal Perspektif, Jil.8 Bil.2*, hh. 79-96.
- Solahuddin Ismail & Zaheruddin Othman (2015), "Pembangunan Pendidikan Islam Tradisional Dalam Komuniti ASEAN: Perbandingan Antara Malaysia, Indonesia dan Thailand " dalam Prosiding 2nd International Conference on Innovation and Sustainability ( ICOIS 2015), Duangtawan Hotel Chiang Mai Thailand pada 12-13 November 2015
- Solahuddin Ismail, Mohd Nizo Abdul Rahman dan Alias Puteh. (2009). "Reformasi Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah". Kertas Kerja dibentangkan di Seminar *Antarabangsa Pendidikan ICT Bernuansakan Islam* Anjuran Kolej Islam dan Sains (CAS) Universiti Utara Malaysia Dengan Kerjasama Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH) Banda Aceh Sumatera Indonesia pada 15-19 Disember 2009.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Naquib al-Attas (1999). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: ABIM

## **TEMUBUAL**

Guru 1 dan 4, guru Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan  
 Guru 2 dan 3, guru Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan  
 Guru 5, guru Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan